

15 OCT 1996

Nuklear-Malaysia

M'SIA AKAN TANDATANGANI PERJANJIAN WALAUPUN IA TIDAK SEMPURNA

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menyokong dan menandatangani Perjanjian Pengharaman Ujian Senjata Nuklear Komprehensif (CTBT) walaupun ia tidak berupaya menghalang semua aktiviti ujian nuklear, kata Wakil Tetap Gantian Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Datuk Hasmy Agam.

"Malaysia telah menyokong resolusi perjanjian itu semasa Perhimpunan Agung PBB ke 50 dan akan menandatangani kerana menyedari perjanjian yang tidak sempurna adalah lebih baik dari tidak ada perjanjian langsung," kata beliau ketika berucap di mesyuarat jawatankuasa PBB mengenai Perlucutan Senjata dan Keselamatan Antarabangsa di New York.

Satu salinan ucapan beliau dikirim melalui faks ke Bernama di sini dari pejabat Wakil Tetap Malaysia di New York.

Kata beliau keputusan itu dibuat kerana Malaysia berpendapat walaupun perjanjian itu yang diterima pada 10 Sept tidak akan dapat menghentikan semua aktiviti menguji senjata nuklear sepenuh, sekurang-kurangnya ia dapat memberi tekanan ke atasnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan beliau di Perhimpunan Agung PBB ke 51 baru-baru ini mengkritik CTBT sebagai tidak sempurna dan kurang berupaya untuk menguatkuasakan perlucutan senjata.

Mengenai Perjanjian Pengurangan Ujian Senjata Nuklear (NPT) Hasmy berkata Malaysia berharap semakan semulanya awal tahun depan akan mempertimbangkan langkah-langkah selanjutnya yang perlu diambil oleh negara-negara anggota untuk memenuhi tanggungjawab mereka kepada perjanjian itu.

Katanya Malaysia juga berharap proses semakan itu juga akan mempertimbangkan dengan serius untuk menyedarkan negara-negara yang tidak terlibat dengan perjanjian itu mengenai pentingnya.

Malaysia juga telah menandatangani perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) yang diterima pakai pada tahun 1995 untuk keamanan dan keselamatan serantau. -- BERNAMA

NI WAT